



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

PELANCARAN SATELIT PENDERIAAN JAUH UZMASAT-1 MEMPERKUKUH PELAKSANAAN DAN MATLAMAT DASAR ANGKASA NEGARA 2030 (DAN2030)

PUTRAJAYA, 15 Januari 2025 – Selaku peneraju Dasar Angkasa Negara 2030 (DAN2030), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) melalui Agensi Angkasa Malaysia (MYSA) sentiasa komited dalam menyokong usaha pemain-pemain industri tempatan dalam meneroka aktiviti pembangunan sektor angkasa negara yang berdaya saing dan mampan.

Kejayaan UZMA Berhad sebuah syarikat swasta tempatan melancarkan satelit penderiaan jauh pertama mereka iaitu UzmaSAT-1 pada **15 Januari 2025, 3.09 pagi waktu Malaysia** di *Vandenberg Space Force Base*, California, Amerika Syarikat merupakan satu lagi petunjuk kepada kejayaan pelaksanaan DAN2030 yang dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada tahun 2023. Satelit UzmaSAT-1 merupakan satelit ke-13 yang berada di bawah pengawasan Malaysia ini telah dilancarkan ke orbit rendah melalui roket Falcon 9 Transporter 12 milik syarikat SpaceX.

Satelit beresolusi tinggi seberat 45.4 kilogram (kg) ini dijangka mampu menyediakan data dan maklumat permukaan bumi negara bagi meningkatkan operasi pemantauan seterusnya memberi impak signifikan dalam memperkasa pengurusan sekuriti makanan, keselamatan dan pertahanan negara. Manakala penggunaan infrastruktur negara sedia-ada melalui kerjasama strategik dalam aspek pengoperasian satelit berkenaan dijangka dapat mengoptimumkan lagi pengurusan imej-imej berkaitan Malaysia serta mampu meningkatkan kepelbagaian penggunaannya.

Kejayaan pelancaran dan pengoperasian UzmaSAT-1 ini merupakan salah satu manifestasi terhadap penyertaan aktif pemain industri tempatan dalam aktiviti-aktiviti berkaitan angkasa yang mampu meningkatkan daya saing dan inovasi berterusan, menjimatkan perbelanjaan kerajaan serta menyumbang kepada pembentukan sumber ekonomi angkasa baharu (*new space economy*) negara. Seiring dengan pelaksanaan Pelan Tindakan DAN2030 yang dikenali sebagai *Malaysia Space Exploration 2030* (MSE2030), kejayaan pelancaran satelit ini akan memperkukuhkan potensi keupayaan dan kepakaran tempatan dalam teknologi angkasa selain mendorong pemain industri tempatan untuk meneroka potensi baharu agar Malaysia boleh beralih daripada negara pengguna teknologi angkasa kepada negara pencipta teknologi angkasa.

Justeru, berdasarkan dasar, pelan tindakan dan perundangan berkaitan aktiviti angkasa yang telah disediakan oleh kerajaan, seharusnya kejayaan pelancaran satelit UzmaSAT-1 ini menjadi pemangkin kepada usaha pembangunan ekosistem angkasa negara yang lebih maju demi manfaat kesejahteraan rakyat serta kemajuan negara.

Pelancaran satelit UzmaSAT-1 yang disiarkan secara langsung dari *Vandenberg Space Force Base*, California, Amerika Syarikat ini turut dipancarkan di Ibu Pejabat Kumpulan Uzma, Kuala Lumpur dan Ibu Pejabat Agensi Angkasa Malaysia (MYSA).

Tamat

Dikeluarkan oleh:

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

15 JANUARI 2025

Maklumat perhubungan Agensi Angkasa Malaysia (MYSA) :

- Puan Norafiza Saleha binti Sahlan
Pengarah Bahagian Perancangan dan Komunikasi Strategik
fiza@mysa.gov.my | 016-2631020

- Puan Nor Diana binti Mohamad Sadek
Pegawai Perhubungan Awam
Bahagian Perancangan dan Komunikasi Strategik
diana.sadek@mysa.gov.my | 016-3241593